

Headline	LRA SSP2 beroperasi semula		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	16	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	301 cm ²
Journalist	Fitri Nizam	AdValue	RM 10,005
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,016



LRA SSP2 beroperasi semula

Air Selangor komited percepat proses pemulihan bekalan kawasan terjejas

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

L oji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) yang sebelum ini dinaiktaraf sudah kembali beroperasi sepenuhnya dan 50.1 peratus akaun pengguna sudah pulih secara berperingkat setakat jam 6 petang semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pe-

langgan dan Komunikasi, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad, berkata pihaknya kini terus berusaha dan mengambil segala tindakan perlu bagi meningkatkan paras kolam khidmat dan menstabilkan tekanan serta aliran air dalam sistem agihan.

"Air Selangor memberikan komitmen untuk mempercepatan proses pemulihan bekalan air ke semua kawasan yang terjejas.

"Pelanggan akan turut diberi status terkini pemulihan bekalan dari semasa ke semasa melalui www.syabas.com.my, Facebook 'Air Selangor', Twitter @air_selangor dan aplikasi telefon pintar Air Selangor yang boleh dimuat turun di Google Play dan App Store," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Raof berkata, proses pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat dan berbeza dari satu

kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi serta altitud.

Untuk bantuan bekalan air kecemasan, orang ramai boleh hantar SMS Tanker <Nama><Alamat> ke 15300 atau WhatsApp ke 019-281 6793 atau 019-280 0919.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago, berkata kerja penambahbaikan di LRA SSP2 siap dilaksanakan pada jam 11 malam kelmarin.

Tempoh pemulihan
Katanya, kerja penambahbaikan yang bermula pada jam 8 Rabu, mewujudkan tempoh jangkaan ditetapkan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dan SPAN.

"LRA SSP2 kini dalam tempoh pemulihan dan pengoperasian semula yang dijangka mengambil

masa sekitar 24 jam," katanya.

Katanya, bekalan air dijangka kembali pulih secara berperingkat bermula lewat semalam, bergantung kepada lokasi sebagaimana dijadualkan Syabas sebelum ini.

SPAN akan terus memantau secara rapi sepanjang tempoh henti tugas dan pengoperasian semula loji bagi memastikan bekalan air kembali dinikmati pengguna berdasarkan jadual yang dikeluarkan sebelum ini.

Henti tugas LRA SSP2 yang bermula kelmarin dikatakan menyebabkan gangguan bekalan air hingga 86 jam, bergantung kepada lokasi dan kedudukan pengguna membabitkan 620,835 akaun atau 4,143,465 pengguna di 577 kawasan.

Gangguan itu membabitkan Shah Alam, Klang, Kuala Lumpur, Petaling, Gombak, Kuala Langat serta Kuala Selangor.



Proses pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat dan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi serta altitud"

Abdul Raof Ahmad,
Ketua Jabatan Perhubungan Pelangan dan Komunikasi,
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd

Headline	Pelajar asrama dibenar pulang sepanjang krisis		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	54	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,849



Pelajar asrama dibenar pulang sepanjang krisis

KUALA LUMPUR 25 April - Asrama sekolah yang terlibat dengan gangguan bekalan air di sekitar ibu kota terpaksa membuat catuan dan membekalkan pelajar pulang ke rumah masing-masing sehingga keadaan pulih seperti biasa.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Asrama Victoria Institute atau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Victoria di Jalan Hang Tuah di sini mendapati hampir separuh daripada lebih 200 pelajar pulang sejak semalam.

Difahamkan, pihak pengurusan asrama juga hanya membuka tangki air mengikut masa yang ditetapkan selain menasihatkan pelajar menyimpan air untuk kegunaan masing-masing.

Seorang pelajar, Muhd. Zahir Danish Muhd Johari, 15 memberitahu, dia menyimpan empat botol air 1.5 liter untuk kegunaan selama empat hari.

"Setiap hari saya hanya guna satu botol air untuk mandi. Sekarang ada masalah air, jadi kena pandai-pandai lah berjimat.

"Seingat saya, bekalan air di asrama ini mula terputus sejak pagi semalam.

"Saya saya tidak begitu ri-

sau sebab awal-awal lagi telah menyimpan air," katanya di sini hari ini.

Katanya, walaupun diberi kebenaran untuk pulang ke rumah dia memilih tidak berbuat demikian kerana lebih mudah untuk ke kelas.

Sementara itu, Penyelia Asrama SMK Puteri Wilayah di Kampung Baru, Radhiah Abd. Hamid berkata, buat masa ini asrama sekolah itu tidak mengalami gangguan bekalan air walaupun berada dalam senarai kawasan yang terlibat dengan krisis air.

"Kami ada menghubungi Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) untuk dapatkan bekalan sekiranya mengalami gangguan bekalan air. Tindakan itu adalah salah satu langkah persediaan," katanya.

Baru-baru ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam kenyataan mengumumkan gangguan bekalan air selama 86 jam di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor susulan kerja-kerja penambahaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) pada 24 April.



SEBAHAGIAN daripada pelajar menggunakan bekalan air simpanan untuk membersihkan diri di Victoria Institute, Jalan Hang Tuah di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR



■ Masalah longgokan sampah yang lambat dikutip oleh kontraktor Majlis Bandaraya Shah Alam di Kampung Lombong menyebabkan pencemaran bau kepada penduduk setempat. Longgokan sampah itu juga mengganggu pengguna jalan raya lain.

- **Penduduk Kampung Lombong**



■ Belum pun dibuka untuk kegunaan orang ramai, Jambatan Angkat, Terengganu yang bakal menjadi mercu tanda ikonik baharu negara ini dilihat cacat apabila orang ramai yang datang untuk melihatnya membuang sampah merata-rata di sekitar kawasan itu.

- **Facebook DrawBridge Terengganu**

■ Kehadiran anjing liar yang banyak di sekitar kawasan rumah kedai di Jalan Setia Permai, Setia Alam, Shah Alam menggusarkan penduduk. Wujud kebimbangan sekiranya anjing berkenaan bertindak agresif dan menyerang orang ramai.

- **Penduduk Setia Alam**

Headline	Warga Lembah Klang gembira bekalan air pulih lebih awal		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	26 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	16	ArticleSize	484 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,027
Journalist	N/A	PR Value	RM 48,081
Frequency	Daily		



Warga Lembah Klang gembira bekalan air pulih lebih awal

Kuala Lumpur: Warga Lembah Klang gembira apabila gangguan bekalan air yang dijadualkan berlarutan hingga 86 jam, pulih lebih awal dengan sebahagian daripada mereka mula menerima bekalan mulai tengah hari semalam.

Tinjauan BH di beberapa kawasan sekitar ibu kota tengah hari semalam mendapati pengguna ke diaman serta premis perniagaan dan rumah ibadat, gembira dan bersyukur dengan kecekapan pihak yang berkaitan menyelesaikan gangguan berkenaan lebih cepat dari kesejahteraan pengguna.

Bagi pemilik pusat cuci kereta, Halim Muhamad, 56, bekalan air di premisnya terputus sejak jam 8 pagi kelmarin, tetapi kembali pulih tengah hari semalam.

"Dengan adanya bekalan air sa-ya menyambung semula operasi dan hanya menutup sehari saja perniagaan. Kami tidak merungut kerana sudah menerima awal notis gangguan bekalan."

"Tindakan cekap Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) yang berjaya membaik pulih loji rawatan air itu lebih awal daripada dijadualkan wajar dipuji," katanya di sini, semalam.

Berdasarkan notis pemberita-huan berkenaan gangguan bekalan air susulan kerja penambah-baikan perkakasan kritikal sistem

bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2), pengguna di sekitar Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor dijangka menghadapi gangguan selama 86 jam.

Pesara, Tan Hon Meng, 55, yang menetap di Jalan Klang Lama, pula berkata beliau sekeluarga juga sudah bersiap sedia untuk gangguan bekalan air selama empat hari selepas menerima notis.

Tak terjejas teruk

"Kami tidak terjejas teruk, gangguan bekalan hanya sehari saja. Pihak yang berkaitan menjalankan kerja dengan baik."

"Kami bersyukur gangguan be-kalan ini tidak berpanjangan ker-a keadaan sangat sukar tanpa air" katanya.

Berkongsi pendapat yang sama, Adlawih Muhaiedin, 25, yang menetap di SS13, Petaling Jaya, juga hanya terputus bekalan air dalam tempoh sehari.

"Gangguan air bermula petang semalam hingga pagi tadi (semalam) saja," katanya.

Bagaimanapun, keadaan berbe-sa bagi Reavin Kumaran Doraisamy, 23, kerana unit kediamannya di Desa Aman, Pantai Dalam, masih terjejas.

"Gangguan air di kawasan ini sudah berlarutan tiga hari sejak Selasa lalu. Jadi kami terpaksa



Talhah (kiri) melihat kolah yang penuh pada tinjauan di Masjid Al-Ikhlasiah, Bukit Kerinch Kuala Lumpur, semalam.



Halim Muhamad



Tan Hon Meng

membasuh pakaian di pusat dobi berdekatan," katanya.

Penduduk di sekitar Masjid Al-Ikhlasiah, Bukit Kerinch pula menggunakan bekalan air masjid untuk mandi.

Ketua Imam masjid, Talhah Ab Aziz, 38, berkata walaupun bekalan air turut terjejas ke masjid itu, bekalan dari tangki dan kolah masih banyak.

"Setakat ini jemaah tidak terjejas dengan gangguan air kerana kita

mempunyai dua kolam tadahan dan tangki air. Pihak masjid juga tidak keberatan membenarkan je-mah mandi di sini," katanya.

Sementara itu penduduk di Klang dan Shah Alam juga gembira apabila bekalan air kembali pulih lebih awal dari jadual.

Penduduk Taman Sri Andalas, Muhd Ali Zakariah, 44, berkata tindakan pantas Syarikat Bekalan Air Selangor (Air Selangor) wajar mendapat pujian kerana tidak

membiarkan masalah bekalan air berlarutan.

"Apap yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan Air Selangor amat bagus kerana mereka memberikan notis gangguan air selama empat hari tetapi bekalan kembali pulih selepas 24 jam sahaja."

"Rakyat pun tidak perlu pening kepala memikirkan simpanan air untuk tempoh empat hari itu kerana ia tempoh yang agak lama," katanya.

Seorang pengusaha katering, Mohd Faiz Md Khair, 32 berkata beliau menyimpan bekalan air yang banyak berikutnya ada tempahan katering sepanjang tempoh empat hari gangguan.

"Bekalan air terputus kira-kira jam 9.30 pagi semalam (kelmarin) bagaimanapun saya sudah bersedia dengan simpanan air yang banyak dan turut merancang untuk mendapatkan bekalan air di pili awam jika masih tidak mencukupi."

Headline	Warga Lembah Klang gembira bekalan air pulih lebih awal		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	26 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	16	ArticleSize	484 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,027
Journalist	N/A	PR Value	RM 48,081
Frequency	Daily		



Warga Lembah Klang gembira bekalan air pulih lebih awal

Kuala Lumpur: Warga Lembah Klang gembira apabila gangguan bekalan air yang dijadualkan berlarutan hingga 86 jam, pulih lebih awal dengan sebahagian daripada mereka mula menerima bekalan mulai tengah hari semalam.

Tinjauan BH di beberapa kawasan sekitar ibu kota tengah hari semalam mendapati pengguna ke diaman serta premis perniagaan dan rumah ibadat, gembira dan bersyukur dengan kecekapan pihak yang berkaitan menyelesaikan gangguan berkenaan lebih cepat dari kesejahteraan pengguna.

Bagi pemilik pusat cuci kereta, Halim Muhamad, 56, bekalan air di premisnya terputus sejak jam 8 pagi kelmarin, tetapi kembali pulih tengah hari semalam.

"Dengan adanya bekalan air sa-ya menyambung semula operasi dan hanya menutup sehari saja perniagaan. Kami tidak merungut kerana sudah menerima awal notis gangguan bekalan."

"Tindakan cekap Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) yang berjaya membaik pulih loji rawatan air itu lebih awal daripada dijadualkan wajar dipuji," katanya di sini, semalam.

Berdasarkan notis pemberita-huan berkenaan gangguan bekalan air susulan kerja penambah-baikan perkakasan kritikal sistem

bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2), pengguna di sekitar Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor dijangka menghadapi gangguan selama 86 jam.

Pesara, Tan Hon Meng, 55, yang menetap di Jalan Klang Lama, pula berkata beliau sekeluarga juga sudah bersiap sedia untuk gangguan bekalan air selama empat hari selepas menerima notis.

Tak terjejas teruk

"Kami tidak terjejas teruk, gangguan bekalan hanya sehari saja. Pihak yang berkaitan menjalankan kerja dengan baik."

"Kami bersyukur gangguan be-kalan ini tidak berpanjangan ker-a keadaan sangat sukar tanpa air" katanya.

Berkongsi pendapat yang sama, Adlawih Muhaiedin, 25, yang menetap di SS13, Petaling Jaya, juga hanya terputus bekalan air dalam tempoh sehari.

"Gangguan air bermula petang semalam hingga pagi tadi (semalam) saja," katanya.

Bagaimanapun, keadaan berbe-sa bagi Reavin Kumaran Doraisamy, 23, kerana unit kediamannya di Desa Aman, Pantai Dalam, masih terjejas.

"Gangguan air di kawasan ini sudah berlarutan tiga hari sejak Selasa lalu. Jadi kami terpaksa



Talhah (kiri) melihat kolah yang penuh pada tinjauan di Masjid Al-Ikhlasiah, Bukit Kerinch Kuala Lumpur, semalam.



Halim Muhamad



Tan Hon Meng

membasuh pakaian di pusat dobi berdekatan," katanya.

Penduduk di sekitar Masjid Al-Ikhlasiah, Bukit Kerinch pula menggunakan bekalan air masjid untuk mandi.

Ketua Imam masjid, Talhah Ab Aziz, 38, berkata walaupun bekalan air turut terjejas ke masjid itu, bekalan dari tangki dan kolah masih banyak.

"Setakat ini jemaah tidak terjejas dengan gangguan air kerana kita

mempunyai dua kolam tadahan dan tangki air. Pihak masjid juga tidak keberatan membenarkan je-mah mandi di sini," katanya.

Sementara itu penduduk di Klang dan Shah Alam juga gembira apabila bekalan air kembali pulih lebih awal dari jadual.

Penduduk Taman Sri Andalas, Muhd Ali Zakariah, 44, berkata tindakan pantas Syarikat Bekalan Air Selangor (Air Selangor) wajar mendapat pujian kerana tidak

membiarkan masalah bekalan air berlarutan.

"Apap yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan Air Selangor amat bagus kerana mereka memberikan notis gangguan air selama empat hari tetapi bekalan kembali pulih selepas 24 jam sahaja."

"Rakyat pun tidak perlu pening kepala memikirkan simpanan air untuk tempoh empat hari itu kerana ia tempoh yang agak lama," katanya.

Seorang pengusaha katering, Mohd Faiz Md Khair, 32 berkata beliau menyimpan bekalan air yang banyak berikutnya ada tempahan katering sepanjang tempoh empat hari gangguan.

"Bekalan air terputus kira-kira jam 9.30 pagi semalam (kelmarin) bagaimanapun saya sudah bersedia dengan simpanan air yang banyak dan turut merancang untuk mendapatkan bekalan air di pili awam jika masih tidak mencukupi."

Headline	Pesakit kanser perlu sokongan moral teruskan rawatan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	26 Apr 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	79	ArticleSize	206 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 6,821
Journalist	N/A	PR Value	RM 20,463
Frequency	Daily		



Pesakit kanser perlu sokongan moral teruskan rawatan

Shah Alam: Sokongan moral daripada bapa, suami, abang dan adik lelaki begitu diharapkan oleh setiap pesakit kanser payudara sebagai semangat mereka meneruskan hidup ketika bertarung dengan kesakitan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata peranan mereka penting sekurang-kurangnya nasihat menjalani pemeriksaan kesihatan dan meneruskan rawatan seperti disaran pakar.

Beliau berkata, sokongan semua dilihat sebagai faktor mengurangkan penderitaan bagi membolehkan mereka bangkit meneruskan hidup.

“Sokongan ini diharap dapat menurunkan kes baru yang meningkat saban tahun,” katanya pada majlis Pelancaran Program MEN CARE di sini, baru-baru ini.

Dr Siti Mariah berkata, semua perlu faham situasi ahli keluarga mereka yang diuji kerana pesakit mengharapkan sokongan daripada insan terdekat.

“Sokongan berterusan membantu meningkatkan kelangsungan hidup pesakit walaupun ada yang sedang bertarung nyawa melawan kanser tahap akhir,” katanya.

7,593 kes baru

Kanser payudara mencatatkan kes tertinggi kematian di seluruh dunia dengan dua juta kes setiap tahun. Statistik di Malaysia dilaporkan mencatat 7,593 kes baru.

Beliau berkata, setiap seorang daripada 30 wanita berisiko diserang kanser payudara sepanjang hayatnya. Lebih daripada setengah kematian berlaku di negara ini dikesan ketika pesakit berada pada tahap akhir hingga sukar diselamatkan selain kos rawatan membebankan.

Katanya, sebahagian besar pesakit lewat menjalani pemeriksaan seperti disaran pakar dengan alasan memilih menjalani rawatan alternatif, selain tanggapan negatif terhadap kaedah rawatan moden.

“Kajian membuktikan rawatan awal berupaya mengurangkan risiko kanser berulang. Pesakit kanser payudara Tahap 1 dan 2 berpeluang sembuh sepenuhnya sebaik didiagnosis dan menjalani rawatan segera. Tahap awal perlukan rawatan segera bagi mengelak barah berada pada tahap akhir 3 dan 4, peluang untuk sembuh tipis,” katanya.



Sokongan semua dilihat sebagai faktor mengurangkan penderitaan bagi membolehkan mereka bangkit teruskan hidup”

Dr Siti Mariah Mahmud,
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan,
Kebajikan, Pemberdayaan Wanita
dan Keluarga Selangor

Headline	PEMULIHAN BERPERINGKAT		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	48,49	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	901 cm ²
Journalist	Fitri Nizam	AdValue	RM 35,494
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,482



KRISIS BEKALAN AIR

PEMULIHAN BERPERINGKAT

■ LRA SSP2 siap beroperasi kini giat dalam proses stabil tekanan, aliran sistem agihan

Fitri Nizam

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lojji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) yang sebelum ini dinaiktaraf sudah beroperasi sepenuhnya dan pemulihian bekalan air secara berperingkat sedang dijalankan.

Perkara itu dimaklumkan Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Beliau berkata, berdasarkan pemantauan di tapak beberapa kawasan sudah mula mendapat

bekalan air sejak awal pagi semalam.

“Proses meningkatkan paras kolam perkhidmatan serta menstabilkan tekanan dan aliran di sistem agihan masih giat dijalankan.

“Selain itu, proses pemulihian bekalan air adalah secara berperingkat dan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi serta altitud.

“Pihak kami akan mengemas kini status terkini dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau berkata, Air Selangor komited dan berusaha bagi

mempercepatkan proses pemulihian bekalan air ke semua kawasan yang terjejas.


“Pelanggan dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat terkini di www.syabas.com.my,

Facebook ‘Air Selangor’, Twitter @air_selangor dan aplikasi telefon pintar Air Selangor yang boleh dimuat turun di Google Play atau App Store,” katanya.

Untuk bantuan bekalan air kecemasan, orang ramai boleh hantar mesej pesanan ringkas (SMS) Tanker <Nama>Alamat ke 15300 atau WhatsApp ke 019 281 6793 atau 019 280 0919.

FAKTA
SMS Tanker
<Nama>Alamat
ke 15300 atau
WhatsApp jika perlu
bantuan air
kecemasan

Headline	PEMULIHAN BERPERINGKAT		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	48,49	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	901 cm ²
Journalist	Fitri Nizam	AdValue	RM 35,494
Frequency	Daily	PR Value	RM 106,482



Headline	Penduduk puji kerja baik pulih siap lebih awal		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	26 Apr 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	48	ArticleSize	516 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 20,249
Journalist	N/A	PR Value	RM 60,747
Frequency	Daily		



TINJAUAN pili awam yang disediakan Air Selangor berdekatan Masjid Ar Rahimah Sri Andalas, Klang mendapat lokasi itu lengang, semalam.

Penduduk puji kerja baik pulih siap lebih awal

Klang: Penduduk di sekitar daerah ini dan Shah Alam menarik nafas lega apabila gangguan bekalan air susulan kerja penambahanbaikan perkakasan kritisikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) bermula kelmarin, beransur pulih.

Penduduk Taman Sri Andalas, Muhd Ali Zakariah, 44, berkata, dia memuji pihak yang melakukan kerja penambahanbaikan berikutkan tugas itu mampu siapkan lebih awal daripada tempoh ditetapkan.

"Rumah saya tiada air sejak jam 10 pagi semalam (kelmarin) dan saya sudah bersiap sedia menadah air dalam tong air sebagai bekalan bagi menghadapi gangguan bekalan selama empat hari.

"Namun, pagi tadi (semalam) saya mendapat bekalan air sudah ada dan lega kerana tidak perlu menunggu lama. Mereka beri

jangkaan gangguan bekalan air selama empat hari namun dapat menyelesaiannya dalam tempoh singkat," katanya semalam.

Sementara itu pengusaha katering, Mohd Faiz Md Khair, 32, dia turut bersyukur apabila mendapat bekalan air kembali pulih semalam.

"Kini, saya dapat kembali menjalankan perniagaan dengan menerima tempahan seperti biasa," katanya yang menetap di Seksyen 10, Shah Alam.

Tinjauan di beberapa pili awam yang disediakan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di sekitar dua daerah itu juga didapati kurang mendapat sambutan.

Namun, terdapat beberapa kawasan masih menghadapi gangguan bekalan air berikut ia akan kembali pulih sepenuhnya secara berperingkat.

Selain itu, beberapa restoran di sekitar daerah ini turut didapati masih menggunakan pinggan dan cawan pakai buang plastik untuk pelanggan mereka.

Bagi pengusaha restoran yang mahu dikenali sebagai Zamri, 45, dia masih menggunakan pinggan dan cawan pakai buang berikutkan tekanan air di premisnya rendah.

"Air memang sudah ada namun aliran amat kecil dan saya terpaksa menggunakan bahan pakai buang itu sehingga bekalan air kembali pulih sepenuhnya," katanya.



MUHD Ali



SEBUAH restoran masih menggunakan cawan serta pinggan pakai buang untuk digunakan pelanggan di Andalas, Klang, semalam.



SEORANG budak di Seksyen 16, Shah Alam mandi menggunakan pili awam, kelmarin.

Headline	Peniaga lega kembali ada air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	48	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	239 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,379
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,137



Peniaga lega kembali ada air

Kuala Lumpur: Masalah gangguan bekalan air di kebanyakan kawasan sudah pulih secara berperingkat walaupun gangguan itu dijangka berlaku sehingga Sabtu ini.

Tinjauan Harian Metro di sekitar Lembah Klang mendapati bekalan air sudah mula pulih seperti biasa mulai jam 8 pagi semalam.

Malah, sudah dapat dilihat aktiviti perniagaan di beberapa premis seperti cuci kereta, restoran, sekolah dan rumah berjalan seperti biasa berikutan keadaan itu.

Bagaimanapun, peniaga dan penduduk tetap dalam keadaan berjaga-jaga dan menyimpan bekalan air secukupnya kerana bimbang gangguan itu kemungkinan akan berlaku lagi.

Seorang peniaga makanan, Ruminah Abu, 45, berkata, dia tetap menyimpan bekalan air kerana bimbang berlaku gangguan semula walaupun bekalan air sudah pulih.

"Semalam (kelmarin) bekalan air memang tiada langsung tetapi saya ada menyimpan bekalan secukupnya kerana sebagai peniaga makanan berlauk memerlukan sumber air yang banyak."

"Alhamdulillah, pagi ini saya buka paip air memang laju dan tiada gangguan setakat ini. Bagaimanapun, saya tetap

“Alhamdulillah, pagi ini saya buka paip air memang laju dan tiada gangguan setakat ini”

Ruminah Abu

menyimpan bekalan air untuk menampung sehingga Sabtu ini.

"Saya berterima kasih kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) kerana berjaya menyelesaikan masalah gangguan bekalan air dengan cepat walaupun tempoh gangguan diberikan sehingga Sabtu ini," katanya yang ditemui di Pantai Dalam, di sini, semalam.

Menurutnya, dia tetap menggunakan pinggan polistren kepada pelanggan sehingga masalah gangguan bekalan air pulih sepenuhnya.

"Manakala bagi minuman pula saya tidak menyediakan air lain selain daripada air mineral kepada pelanggan kerana tidak mahu menyulitkan keadaan apabila berdepan dengan gangguan bekalan air."

"Ini kerana bekalan air yang disimpan ini hanya digunakan untuk membasuh bahan dan memasak saja," katanya.

Seorang pemilik premis

mencuci kereta, Halim Mohamad, 56, berkata, dia lega apabila perniagaannya sudah boleh beroperasi seperti sedia kala.

"Sebelum ini, premis saya tidak menjalankan kerja mencuci kenderaan berikutkan bekalan air terganggu. Saya terpaksa menutup operasi selama sehari kerana tiada bekalan air."

"Memang lega apabila air sudah ada semula. Saya memuji tindakan pantas pihak Air Selangor kerana menyalurkan air secara berperingkat. Sebagai pengguna, kita faham kadang-kadang terpaksa berdepan dengan situasi gangguan bekalan air mungkin disebabkan kerja menaik taraf atau penyelenggaraan," katanya.

Gangguan bekalan air berlaku di Kuala Lumpur, Shah Alam, Klang, Petaling, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor bermula kelmarin susulan kerja penambahaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2).

Pengurusan Air Selangor melaksanakan kerja penyelenggaraan itu bagi mencegah sebarang kerosakan atau risiko kegagalan sistem elektrik, sekali gus mengelak gangguan bekalan air tidak terancang kepada pengguna.

Headline	Perah keringat Ampang Jaya Duathlon		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	26 Apr 2019	Circulation	155,996
Section	Kosmo 2	Readership	467,988
Page No	28,29	ArticleSize	1452 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 37,826
Journalist	N/A	PR Value	RM 113,479
Frequency	Daily		



PESONA
WANITA • KELUARGA • KESIHATAN

28

GELAGAT peserta kanak-kanak ketika melalui halangan tayar.

PESERTA daripada pelbagai peringkat umur dan lapisan masyarakat menyertai Cabaran Ampang Jaya Duathlon di Bukit Indah, Ampang baru-baru ini.

DUA orang kanak-kanak merangkak bagi melepas halangan jaring.

Perah keringat Ampang Jaya Duathlon

SEAWAL puluk 4 pagi, dua beradik iaitu Siti Halimahtul Sa'diah Othman, 15, dan Siti Rabia' Atul' Adawiyah Othman, 18, telah pun bersiap untuk perjalanan ke Ampang, Selangor. Kedua-dua remaja daripada Panther Cycling Club Melaka itu begitu teruja kerana mahu menyertai Cabaran Ampang Jaya Duathlon 2019 iaitu cabaran duathlon buat kali pertama.

Dalam cabaran itu, mereka perlu mengayuh basikal sejauh 20 kilometer (km) sebelum berlari sejauh 7km.

"Kami berlatih selama seminggu sebagai persiapan untuk cabaran ini. Biasanya kami berbasikal sahaja.

"Namun, cabaran kali ini memerlukan kami berlari dan ia sememangnya menguji mental dan fizikal," kata Siti Halimahtul Sa'diah ketika ditemui *Pesona* baru-baru ini.

Tambahnya, acara tersebut secara keseluruhannya mencabar namun boleh diatasi dengan latihan yang kerap.

Acara itu turut menarik minat atlet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, **Mustika Ayuni Mustofa**, 21, yang berjaya mendapat tempat pertama bagi kategori Terbuka Wanita.

"Saya berjaya menghabiskan cabaran tersebut dalam tempoh sejam.

"Laluan larian agak mencabar terutama di kawasan berbukit yang

KANDID



agak curam namun saya berjaya meredah laluan tersebut dengan selamat," katanya.

Dia turut memuji pengurusan duathlon itu yang disifatkan berjaya daripada pelbagai aspek.

Mereka antara 200 peserta yang terlibat dalam cabaran tersebut yang diadakan di Trek Basikal Tekas Bukit Indah, Ampang, Selangor baru-baru ini.

Nilai positif

Program itu dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dengan kerjasama Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn Bhd (SUKE), Nestle Sdn. Bhd., Hi-Rev Lubricants and Tourism Selangor.

Acara itu turut dianjurkan bersama Cabaran MPAJ Larian Berhalangan Kanak-Kanak yang disertai 150 kanak-kanak.

Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari berkata, acara berkenaan dilaksanakan untuk mempromosi sukan duathlon dalam kalangan masyarakat umum serta penggemar-penggemar aktiviti sukan selain mempoparkan Bukit Ampang sebagai satu fasiliti sukan MPAJ dan pusat perlancangan sukan.

"Di negara ini, sukan berlari dan berbasikal sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat umum serta penglibatan individu-individu sukan.

"Dalam larian agak mencabar



PESERTA warga emas terakhir berjaya menamatkan larian dan kayuhan bagi kategori Lelaki Veteren sejauh 10 kilometer diiringi peserta wanita terbuka ketika Cabaran Ampang Jaya Duathlon.

dalam sukan-sukan itu semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Tetapi masih ada masyarakat di luar sana yang meragu istilah duathlon ini. Mereka akan membayangkan kesukaran untuk melakukan aktiviti-aktiviti seumpama ini lebih-lebih lagi apabila digabungkan dengan acara larian dan berbasikal," ujarnya.

Bagi Cabaran Ampang Jaya Duathlon, sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu Terbuka lelaki dan wanita; Terbuka lelaki dan wanita Master (berusia 39 hingga 40 tahun) dan lelaki Senior Master (berusia 50 tahun ke atas).

Cabaran MPAJ Larian Berhalangan Kanak-Kanak pula mempertandingkan dua kategori iaitu kanak-kanak lelaki dan perempuan berusia 6 hingga 8 tahun serta 9 hingga 12 tahun.

Antara halangan yang diempuhi oleh peserta ialah meniti batang pokok, merangkak melalui tayar, merangkak bawah jaring, halangan tayar, jaring labah-labah, merangak melalui gelang dan berlari di denai.

Menurut Hasrolnizam, acara berkenaan mampu mencetuskan nilai-nilai positif seperti kekuatan, kesabaran, ketelitian dan semangat juang yang tinggi.

Headline	Perah keringat Ampang Jaya Duathlon		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	155,996
Page No	28,29	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	1452 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 37,826
Frequency	Daily	PR Value	RM 113,479



Headline	Bekalan air Lembah Klang pulih		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	6	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	378 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,847
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,542



4,143,465 pengguna lega kerja-kerja penambahbaikan LRA SSP2 ikut jadual

Bekalan air Lembah Klang pulih

Oleh NOR IDAYU BOSRO

CYBERJAYA - Bekalan air di kawasan terlibat di Lembah Klang dijangka pulih secara berperingkat-peringkat bermula petang semalam selepas kerja-kerja penambahbaikan di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) siap dilaksanakan pada pukul 11 malam kelmarin.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago berkata, kerja-kerja penambahbaikan melalui penggantian komponen paip dan peralatan elektrik itu menepati tempoh jangkaan ditetapkan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., (Syabas) dan SPAN.

"LRA SSP2 kini sedang dalam tempoh pemulihan dan pengoperasian semula yang dijangka mengambil masa sekitar 24 jam.

"Bekalan air dijangka pulih secara berperingkat-peringkat bermula petang ini (semalam)



KERATAN Kosmo! 20 April 2019.

bergantung kepada lokasi sebagaimana dijadualkan Syabas sebelum ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Charles, SPAN akan terus memantau secara rapi sepanjang tempoh henti tugas dan pengoperasian semula loji daripada awal kerja dimulakan sehingga ke tempoh pemulihan.

"Ini bagi memastikan bekalan air kembali dinikmati pengguna berdasarkan jadual yang dikeluarkan sebelum ini," katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporan mengenai gangguan beka-



WARGA kota membuat persiapan awal dengan membeli tong air untuk menghadapi ketidakaan bekalan air selama 86 jam bermula 24 April lalu.

- Gambar hiasan

lan air sehingga selama 86 jam di 577 kawasan di Kuala Lumpur dan Selangor susulan kerja-kerja penambahbaikan perkakasan

kritikal sistem bekalan elektrik di LRA SSP2 pada 24 April lalu.

Henti tugas LRA SSP2 itu akan menyebabkan gangguan

bekalan air kepada kira-kira 4,143,465 pengguna di kawasan terkesan iaitu Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Sementara itu, Syabas melalui satu kenyataan akhbar memaklumkan LRA SSP2 telah beroperasi sepenuhnya dan pemulihan bekalan air secara berperingkat-peringkat sedang berlangsung.

"Berdasarkan pemantauan di tapak, beberapa kawasan telah mula mendapat bekalan air sejak awal pagi manakala proses meningkatkan paras kolam-kolam perkhidmatan serta stabilkan tekanan dan aliran pada sistem agihan masih sedang giat dijalankan.

"Proses pemulihan bekalan air akan diadakan secara berperingkat-peringkat dan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan," katanya.

Headline	'Syukur bekalan air sudah pulih'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	334 cm ²
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 7,081
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,242



'Syukur bekalan air sudah pulih'

Insiden bekalan air terputus tidak akan berlaku dalam tempoh lama

AZIE YAHAYA

KLANG

Penduduk sekitar Klang lega apabila gangguan bekalan air susulan kerja penambahaikan perakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) bermula kelmarin, kini beransur pulih.

Peniaga Gerai Makan MPK Taman Pendamar Indah, Norlizam Che Mat,

59, berkata, dia bersyukur apabila mendapati bekalan air kembali pulih, semalam. "Bekalan air terputus jam 9 pagi kelmarin tapi mak cik sudah simpan air dua hari lepas selepas menerima maklumat mengenai gangguan air.

"Mak cik tak tutup gerai sebab memang dah buat persiapan awal-awal. Air yang mak cik simpan pun masih ada lagi," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

"Kalau ikutkan maklumat gangguan bekalan air itu, kerja-kerja penambahbaikan mengambil masa lebih dua hari."

"Tapi alhamdulillah, bila mak cik buka paip di gerai pagi semalam, air sudah ada," katanya.

Bagi Siak Surau Sabilul



Norlizam gembira bekalan air di gerainya di Taman Pendamar Indah, sudah pulih pagi semalam.

Huda, Mohd Yatim Omar, 64, berkata, pihaknya menyediakan kolah penyimpanan air untuk kegunaan kariah surau terabit.

"Memang pihak surau

sudah bersiap sedia awal-awal lagi bila dapat tahu bekalan air akan mengalami gangguan.

"Jadi kami sediakan kolah besar yang mampu ber-

tahan selama empat hari untuk kegunaan kariah surau.

"Pagi semalam, saya dapat bekalan air sudah pulih dan lega sebab kerja-kerja

terbabit siap lebih awal, katanya.

Penduduk, Azura Halim, 23, berkata, dia lega apabila bekalan air pulih seperti biasa.

"Memang saya ada menadah air tapi kena berijimat cermat takut cepat habis. Tapi bila air dah ada ketika buka pili, saya gembira sebab bekalan air sudah pulih."

"Harap selepas ini tiada lagi gangguan air seperti ini," katanya.

Tinjauan di sekitar pili awam yang disediakan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di Masjid Ar Rahimah, Sri Andalas juga didapati lengang.

Gangguan bekalan air turut berlaku di Kuala Lumpur, Petaling, Gombak, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Headline	LRA SSP2 beroperasi sepenuhnya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,077



LRA SSP2 beroperasi sepenuhnya

SHAH ALAM - Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) kini beroperasi sepenuhnya dan pemulihan bekalan air secara berperingkat juga sedang berlangsung.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, berdasarkan pemantauan di tapak, beberapa kawasan sudah mula mendapat bekalan air sejak awal pagi semalam.

Beliau berkata, proses meningkatkan paras kolam-kolam perkhidmatan serta menstabilkan tekanan dan aliran di sistem agihan masih sedang giat dijalankan.

Menurutnya, proses pemulihan bekalan air adalah secara berperingkat dan akan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain

bergantung pada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan.

“Air Selangor akan mengekalkan status terkini dari semasa ke semasa.

“Kita komited dan berusaha mempercepatkan proses pemulihan bekalan air ke semua kawasan yang terjejas,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Abdul Raof berkata, pelanggan dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat terkini di www.syabas.com.my, Facebook “Air Selangor”,

Twitter @air_selangor dan aplikasi telefon pintar Air Selangor yang boleh dimuat turun di Google Play dan App Store.

Katanya, untuk bantuan bekalan air kecemasan, hantar SMS Tanker dr ke 15300 atau WhatsApp ke: 019-281 6793 atau 019-280 0919.



ABDUL RAOF

Headline	Zaini kongsi pengalaman harungi arus deras ketika operasi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	24	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,219
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,656



Mohd Zaini bersama Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, MBSA Shahrin Ahmad (kiri) menunjukkan anugerah cemerlang yang diterimanya, semalam.

Zaini kongsi pengalaman harungi arus deras ketika operasi

SHAH ALAM- Pengalaman meyeberangi arus deras Sungai Berkok di Johor beberapa tahun lalu antara pengalaman tidak boleh dilupakan anggota Skuad Pantas Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Mohd Zaini Mohd Noor,52.

